



SUARA CAT

PULAU PINANG

CAT 之声

Edisi 4/2010

CAT குரல்

SUARA CAT mengucapkan selamat menyambut Hari Natal dan Tahun Baru 2011 kepada seluruh rakyat Pulau Pinang



Berita Rakyat Pulau Pinang

Edisi Percuma

Bersama Kita Memerangi
Wabak Denggi

Bersama Menjayakan
Tanpa Beg Plastik Percuma
Setiap Hari Mulai
1 Januari 2011

Versi Bahasa Inggeris
ms. 13-15, 23-24



Versi Bahasa Tamil
ms. 18-22



Versi Bahasa Cina
ms. 25-32



Menarik di dalam

Pulau Pinang Melakar Masa Depan
Yang Kompetatif ... ms.8

Wawancara Bersama YB Ong Kok
Foo: Ceburi Politik Demi Membela
Mangsa Kekejaman ... ms.11

BAJET 2011 : BAJET KERAJAAN NEGERI KE ARAH MEMARTABATKAN RAKYAT NEGERI PULAU PINANG



Agenda dan strategi utama Kerajaan Negeri dalam tahun 2011 :

Memastikan pembangunan negeri terus maju dan kekal ke hadapan dan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa.

Ke arah ini, ianya memerlukan penggembangan semua pihak termasuk :

- anggota PERKHIDMATAN AWAM yang berupaya mentransformasikan perkhidmatan awam yang bertaraf antarabangsa selaras dengan konsep Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT)
- pihak SWASTA akan terus memainkan peranan utama dalam menjana transformasi terutama di dalam sektor perdagangan serta ekonomi
- RAKYAT negeri ini keseluruhannya untuk terus

memberi mandat dan kepercayaan yang jitu dan tulen kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk meneruskan agenda memartabatkan rakyat negeri ini dengan berkonsepkan 3P iaitu perkasaan rakyat, perkuasakan rakyat dan perkayakan rakyat

PERUNTUKAN BAJET 2011

Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang dikutip berjumlah RM385,326,170 iaitu peningkatan RM60.29 juta atau 18.55% berbanding anggaran tahun semasa 2010 (RM325.04 juta).

Bajet keseluruhan yang dicadangkan bagi tahun 2011 sebanyak RM900.35 juta merupakan peningkatan sebanyak RM186.56 juta atau 26.14% berbanding dengan bajet keseluruhan tahun 2010 sebanyak RM713.79 juta.

BERITA DI MUKA SURAT 5

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAFTARLAH SEKARANG DENGAN PEJABAT ADUN PR

N1 Penaga	: 019 - 470 4800 - Rosidi Hussain
N2 Bertam	: 019 - 560 5755 - Abdul Latif Abdullah
N3 Pinang Tunggal	: 013 - 585 9471 - Abd. Latif Wanichik
N4 Permatang Berangan	: 019 - 510 2633 - Arsyad Md. Salleh
N5 Sungai Dua	: 019 - 477 6740 - Md. Fahmi Abd. Wahab
N6 Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581 - Salehin Mohamed
N7 Sungai Puyu	: 012 - 528 8411 - Ng Ya Ling
N8 Bagan Jermal	: 013 - 449 0366 - Yeap Choon Keong
N9 Bagan Dalam	: 017 - 446 9688 - Victor
N10 Seberang Jaya	: 013 - 489 3227 - Abdul Jalil Che Ros
N11 Permatang Pasir	: 019 - 412 8442 - Kamal

N12 Penanti	: 04 - 522 1463 - Suhaimi Bin Mansor
N13 Berapit	: 019 - 481 7823 - Ong Kee Seong
N14 Machang Bubuk	: 019 - 546 3257 - Rynu
N15 Padang Lalang	: 04 - 502 5071 - Ooi Zhen Chee
N16 Perai	: 012 - 412 8451 - Mohd. Yusof Sahabudin
N17 Bukit Tengah	: 016 - 469 5343 - Amizuddin
N18 Bukit Tambun	: 016 - 442 0820 - Ong Eu Leong
N19 Jawi	: 017 - 408 4784 - Abdul Halim Yunus
N20 Sungai Bakap	: 012 - 415 2905 - Munir Bin Makhtar
N21 Sungai Aceh	: 016 - 450 0870 - Jamhari Idros
N22 Tanjung Bungah	: 012 - 232 6101 - Carol
N23 Air Putih	: 04 - 829 0614 - Chiam Heng Hock
N24 Kebun Bunga	: 04 - 829 3691 - Nancy Lim
N25 Pulau Tikus	: 012 - 488 3227 - Joe
N26 Padang Kota	: 012 - 431 7015 - Johnny Chee

N27 Pengkalan Kota	: 012 - 437 1522 - Wang Lai Kin
N28 KOMTAR	: 012 - 412 6284 - Adreena
N29 Datok Keramat	: 012 - 410 6566 - A. T. Ong
N30 Sungai Pinang	: 010 - 464 3308 - Anna
N31 Batu Lancang	: 012 - 480 3885 - Ooi Soo Chuan
N32 Seri Delima	: 012 - 486 2552 - Mr. Lingam
N33 Air Itam	: 012 - 493 3648 - Teh Choong Kong
N34 Paya Terubong	: 012 - 484 1963 - Toon Hoon Lee
N35 Batu Uban	: 017 - 415 4872 - Tahir
N36 Pantai Jerejak	: 019 - 443 2088 - Victor
N37 Batu Maung	: 013 - 510 1968 - Latifah
N38 Bayan Lepas	: 013 - 492 9547 - Kamaruddin Mohamed
N39 Pulau Betong	: 016 - 400 6462 - Halil Sabri Hamid
N40 Telok Bahang	: 012 - 424 9004 - Mohamad Syawal Bin Ahmed

IMBASAN 2010

HAL EH WAL AGAMA : PERUNTUKAN MENINGKAT 100%, JASA GURU KAFA & TAKMIR, PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM TURUT DIHARGAI


KERAJAAN Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM24.3 juta pada tahun 2010 bagi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Jumlah peruntukan ini meningkat 100% berbanding peruntukan pada tahun 2008 (semasa pemerintahan Barisan Nasional-BN) iaitu sebanyak RM12.5 juta sahaja. Jumlah ini meliputi pembangunan, pengurusan dan lain-lain kepentingan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam.

Dasar Perkuasakan Rakyat juga dapat dilihat apabila Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) turut memberi sumbangan sebanyak RM231,000 kepada 206 buah masjid di Pulau Pinang, sumbangan Ehya' Ramadhan, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), mengadakan Sambutan Bulan al-Quran dan juga Ijtima' al-Huffaz.

Adalah ditegaskan bahawa laporan daripada Jabatan Kewangan Negeri jelas menunjukkan bahawa Kerajaan PR tidak pernah berbohong semasa memberi kenyataan bahawa peruntukan BN untuk hal ehwal agama Islam pada tahun 2008 adalah sebanyak RM12,548,580.00 sahaja. Jabatan Kewangan Negeri mengesahkan bahawa RM12,548,580.00 terdiri daripada RM7,548,580 untuk belanja mengurustadbir perjalanan halehwal agama dan RM5,000,000 untuk perbelanjaan pembangunan.

Peruntukan RM12.5 juta adalah di bawah Kerajaan BN, di bawah Mantan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Sekiranya dibandingkan dengan Belanjawan pertama Kerajaan PR pada 2009, peruntukan jelas bertambah kepada RM20.5 juta yang juga merangkumi perbelanjaan mengurustadbir dan pembangunan.

Selain itu, bersempena dengan sambutan Aidilfitri yang lalu, buat julung kalinya, pemberian ex gratia telah dihulurkan kepada penyelia, pegawai-pegawai masjid dan guru-guru Kelas Asas Fardhu 'Ain (KAFA) sebanyak RM250 di atas jasa dan perkhidmatan cemerlang mereka. Seramai 1,396 guru KAFA telah menerima dan kos keseluruhan adalah berjumlah RM349,000. Lazimnya, sumbangan ini adalah sebagai galakan kepada mereka untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam mendidik generasi muda Pulau Pinang. Malah, para huffaz dan guru-guru takmir juga turut menerima sumbangan dan penganugerahan khas daripada Kerajaan Negeri.



Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM2.749 juta berbentuk sumbangan dan bantuan-bantuan lain yang telah dinikmati oleh semua lapisan masyarakat Pulau Pinang samada secara langsung mahupun tidak langsung. Malah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng telah menyatakan dalam Belanjawan 2011 bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM63.21 juta bagi pembangunan dan perkembangan Hal Ehwal Agama Islam, para huffaz dan para guru Kelas Fardhu 'Ain di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, para penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang juga tidak dilupakan. Mereka telah menerima Bantuan Khas Kewangan atau duit raya sebanyak RM500 seorang. Sumbangan tersebut turut dipanjangkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC); Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP); Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang; Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang; Perbadanan Bekalan Air (PBA); Institut Integriti Negeri Pulau Pinang (IINPP); dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).

Pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 ini melibatkan sejumlah 3,700 kakitangan Jabatan Negeri dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.85 juta.



IMAM Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Yusoff Haji Ahmad bersyukur di atas sumbangan dan inisiatif Kerajaan PR menambah peruntukan hal ehwal agama Islam berbanding ketika pemerintahan Barisan Nasional sebelum ini.



TIMBALAN Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Maipp), Ustaz Salleh Man (berkaca mata) beramah-mesra dengan salah seorang guru takmir pada majlis Perasmian Ijtima' Guru-Guru Takmir Pulau Pinang di sini. Dalam usaha mendidik jiwa masyarakat terutamanya golongan muda-mudi untuk menjadi golongan berilmu dan berakhlaq untuk mendekati masjid, peruntukan khas RM8.4 juta telah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Urusan Zakat (PUZ).



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim (tiga dari kiri) ditemani Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mansor Othman (dua dari kanan) dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Kassim (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek kepada wakil masjid pada Majlis Sumbangan Ehya' Ramadan 1431H salah seorang wakil masjid di sini.



TANPA mengira latar belakang, jantina dan fahaman politik, Kerajaan Pakatan Rakyat turut mengambil inisiatif khas dalam menghargai jasa dan pengorbanan penjawat-penjawat awam di negeri ini. Pada majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang yang berlangsung di sini baru-baru ini, Khoo Mei Fong, 21, yang kini berkhidmat di Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia (BPSM) merupakan salah seorang penerima anugerah penghargaan tersebut. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zainal Rahim Seman.



KEMENANGAN Imam Muda Muhammad Asyraf Mohd.Ridzuan (dua dari kanan) diraikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam satu majlis khas yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mansor Othman.



PEGAWAI Penyelaras Pulau Betong (kanan) menyampaikan sumbangan Ramadhan kepada salah seorang warga emas pada majlis Buka Puasa di Masjid Pulau Betong di sini.



KERAJAAN Pakatan Rakyat tidak pernah mengamalkan diskriminasi kaum. Sumbangan turut dilsalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki tokong Cina dan kuil di seluruh negeri ini.





IMBASAN 2010

MENINGKATKAN DAN MEMANTAPKAN SEKTOR SOSIAL

Kebajikan

Bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga emas, Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang telah melancarkan Program Penghargaan Warga Emas yang melayakkan mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas menerima sumbangan RM100 setiap tahun. Kepada waris warga emas, RM1,000 turut disumbangkan bagi tujuan pengurusan jenazah. Sehingga Oktober 2010, seramai 112,036 warga emas yang layak telah mendaftar di bawah program berkenaan. Malah, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 bagi pelaksanaan program tersebut.

Berhubung konteks pembasmian kemiskinan, negeri Pulau Pinang merupakan yang pertama berhasil membasi sepenuhnya kemiskinan tegar di dalam tempoh hanya setahun dengan memastikan setiap isi rumah memperoleh pendapatan keluarga minimum RM500 sebulan. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM3.6 juta sejak 2009 sehingga September 2010 untuk Program Rakan Anti Kemiskinan (RAK).

Bagi menambah pendapatan, wang simpanan, keperluan asas dan keupayaan mengumpul aset golongan peniaga kecil, ibu tunggal, golongan orang kelainan upaya (OKU) serta fakir miskin, buat julung kalinya, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memperuntukkan RM3 juta di



PARA warga emas kawasan Kepala Batas dan Jelutong menunjukkan sokongan kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan Program Penghargaan Warga Emas bagi menolak fitnah BN-UMNO.

SAMBUNGAN DI MUKA SURAT 4



BUAT julung kalinya, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat melancarkan PTSR bagi menambah pendapatan, wang simpanan, keperluan asas dan keupayaan mengumpul aset 40 peniaga kecil, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) serta fakir miskin di sini.

bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang dilaksanakan pada awal tahun 2010. Tabung pinjaman ini dijalankan mengikut model Micro-pinjaman Universiti Sains Malaysia (USM) dengan menekankan kepada konsep untuk memanfaatkan golongan keterbawahan iaitu tanpa sebarang faedah melalui jumlah pinjaman maksimum sebanyak RM5,000.00 dan tempoh bayaran balik adalah selama 2 tahun.

Dalam pada itu, kepada penduduk yang masih lagi kurang kemampuan untuk mendapat kemudahan bekalan air bersih Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyediakan 2 skim berikut:

- i. Skim Pinjaman Tanpa Faedah dan
- ii. Skim Bantuan Program Pembasmian Rakyat Termiskin.

Melalui skim-skim tersebut, Kerajaan Negeri bercadang meringankan beban rakyat susah dengan mengecualikan mereka daripada pembayaran deposit bekalan air sebanyak RM70.00 untuk kedua-dua skim bantuan ini.

Malah, Kerajaan Negeri berjiwa rakyat juga turut menetapkan bantuan bencana alam dikeluarkan di dalam tempoh 24 jam kepada mangsa-mangsa terlibat.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meninjau keadaan rumah seorang warga emas kurang upaya, Nurliah mat Lope atau lebih dikenali sebagai Makcik Nur di Jalan Lintang, Air Itam.



SEORANG warga emas, Che Din Hamat menunjukkan wang RM100 hasil sumbangan Kerajaan Negeri yang masih disimpan olehnya sebagai kenangan sempena Program Penghargaan Warga Emas.



SEORANG waris, SITI Fauziah Mohd. Noor (kanan sekali) menitiskan air mata apabila meluahkan perasaan terharunya kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis Penyampaian Sumbangan RM1,000 Pengurusan Jenazah di Dewan Sri Pinang di sini.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan sumbangan Deepavali kepada salah seorang penduduk di Bagan Dalam di sini. Bukan hanya pada sambutan Deepavali, malah, sumbangan berbentuk barang turut disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bersempena sambutan perayaan-perayaan lain.



BAGI meringankan beban ditanggung, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah menetapkan bantuan bencana alam dikeluarkan di dalam tempoh 24 jam kepada mangsa-mangsa terlibat.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng beramah-mesra dengan tiga warga emas yang bakal menerima sumbangan RM100 di Seberang Perai Tengah di sini.



ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee (kiri sekali) sambil ditemani Pegawai Penyelaras Sungai Aceh, Jamhari Idros (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan sempena sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.



ROHAYU Mohamad Salleh merupakan salah seorang penerima pinjaman PTSR yang julung kali dilancarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu peniaga kecil, ibu tunggal, golongan kelainan upaya (OKU) serta fakir miskin di negeri Pulau Pinang.



Dari muka surat 1

MERANCACKAN SEKTOR PELANCONGAN

- Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.65 juta untuk mempromosikan warisan.
- Peruntukan pembangunan RM8.6 juta bagi membangun dan menaik taraf kemudahan-kemudahan di Bukit Bendera.
- RM5.0 juta bagi merancak dan memperluaskan aktiviti-aktiviti promosi dan galakan pelancongan.

MENYEDIA DAN MENINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- Peruntukan RM28.71 juta bagi pelaksanaan 94 projek infrastruktur
- RM10 juta khusus bagi projek Pelebaran Jalan dan Menaik Taraf Jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.
- RM27 juta bagi menyelesaikan masalah kesesakan akibat keadaan jalan yang sempit (bottleneck) di Jalan Masjid Negeri, MPPP telah meluluskan satu kajian decongesting di jalan Masjid Negeri.
- Peruntukan RM33.76 juta untuk Jabatan Kerja Raya (JKR).
- RM60 juta bagi membiayai kos pengambilan balik tanah-tanah yang terlibat untuk tujuan pembesaran lapangan terbang.
- RM2 juta untuk pelaksanaan Kajian Pelan Induk Pengangkutan dan Pengurusan Lalu lintas Negeri Pulau Pinang (Penang Transport Master Plan).
- RM600,000.00 untuk 6 bulan bagi menampung kos pembiayaan bas shuttle dari Seberang Perai ke Bayan Lepas melalui pelaksanaan sistem Park and Ride.

MEMAJU DAN MEMPERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

- mengurangkan 50% bayaran lesen perahu dan lesen menangkap ikan.

MENGGALAKKAN SEKTOR PERDAGANGAN DAN MEMANTAPKAN KEPENTINGAN HAL EHWAH PENGGUNA

- Memperkuatkan kedudukan Pulau Pinang dalam Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT), dalam mempertingkatkan potensi perniagaan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) dari Malaysia, Thailand dan Indonesia.

MEMPERKASAKAN SEKTOR PENDIDIKAN

- Kawasan seluas 201.4 ekar telah dikenalpasti dan dianggarkan melibat kos keseluruhan RM165 juta untuk mendirikan sebuah Hab Pendidikan Cemerlang di Pondok Upeh dan Genting, Balik Pulau. RM44 juta disediakan untuk kos pengambilan tanah.
- RM12.0 juta untuk Program Bantuan Pendidikan yang akan dimanfaatkan oleh 172 buah sekolah, meliputi Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan Sekolah Mualigh.
- Kemudahan bantuan melalui Tabung Amanah Biasiswa Kecil Negeri bagi membantu pelajar-pelajar miskin ditingkatkan 1 hingga 5 di sekolah-sekolah menengah. Kadar biasiswa dinaikkan sekali ganda kepada RM 480 setahun bagi pelajar Tingkatan 1 hingga 3 dan RM720 bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang akan memakan perbelanjaan RM2 juta.
- RM7.5 juta kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang bagi meluaskan akses dalam penyebaran maklumat.

MENINGKATKAN KUALITI ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP

- Mulai 1 Januari 2011, semua hypermarket, supermarket, departmental stores, farmasi, restoran makanan segera, rangkaian nasi kandar, kedai serbaneka (termasuk kiosk stesen minyak) dan chain store akan diminta supaya melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari.
- Bagi pasar mini dan premis perniagaan tunggal, mereka juga perlulah mematuhi syarat baru semasa pembaharuan lesen iaitu melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma 3 hari seminggu - setiap Hari Isnin, Selasa dan Rabu.



MENINGKATKAN DAN MEMANTAPKAN SEKTOR SOSIAL KEBAJIKAN

- Sumbangan RM100.00 kepada semua warga emas melebihi 60 tahun yang bermastautin di Pulau Pinang serta berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang tanpa mengira etnik, agama dan fahaman politik akan diteruskan dengan peruntukan RM20 juta di bawah bajet mengurus.
- Pembayaran RM1,000.00 kepada waris warga emas yang telah meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2010.
- Bantuan Tahunan OKU yang kurang daripada 60 tahun berjumlah RM100.00 setahun kepada setiap OKU dengan jumlah peruntukan RM2.0 juta.
- Ibu tunggal yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri dan berumur kurang 60 tahun dan selagi mereka tidak berkahwin semula akan diberikan bantuan secara one off berjumlah RM100.00 setahun.

'Cleaner, Greener Penang'

- Program '100 steps for Cleanliness' di mana bagi setiap 100 langkah akan disediakan kemudahan plastik sampah. Inisiatif ini akan dimulakan di Tapak Warisan UNESCO, George Town serta di Seberang Jaya dan Bukit Mertajam sebagai projek perintis (pilot project).

Perumahan

- Peruntukan sebanyak RM13.5 juta untuk membiayai kerja-kerja menaiktaraf rumah awam kerajaan.
- RM60 juta untuk membina sekurang-kurangnya 400 unit rumah mampu milik di kawasan pulau bersama dengan PDC.

Agama

- RM20 juta untuk pengambilan balik tanah bagi pembesaran tapak perkuburan Islam berhampiran Masjid Jelutong.
- Hal ehwal agama Islam :
 - Jabatan Hal Ehwal Agama berjumlah RM24.76 juta mencakupi pembangunan RM7.05 juta, mengurus RM13.38 juta dan sebagainya RM4.33 juta (elaun pegawai masjid dan guru kelas KAFA, pemberian para Huffaz, sumbangan Ehya' Ramadhan, kerja-kerja pembaikan Masjid Negeri dan program-program sambutan kebesaran Islam);
 - Jabatan Mufti sebanyak RM1.95 juta untuk perbelanjaan mengurus; dan
 - Jabatan Kehakiman Syariah berjumlah RM16.5 juta melibatkan perbelanjaan mengurus RM4.6 juta dan pembangunan RM11.9 juta. Jumlah peruntukan untuk tujuan hal ehwal agama Islam adalah RM63.21 juta

Mengeratkan Perhubungan Masyarakat

- Kadar elauan Pengurus dan Setiausaha JKKK dinaikkan RM100 lagi bermula pada Januari 2011.

Memantapkan Pembangunan Belia Dan Budaya Kesukuan

- RM3.95 juta untuk membangunkan budaya kesukuan dan peruntukan RM632,000.00 untuk belia.

Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Komuniti

- RM800,000.00 untuk aktiviti wanita.

Keselamatan

- RM1 juta untuk mengurangkan beban Pasukan Peronda Sukarela (PPS).

Merevolusikan Pengurusan Perkhidmatan Awam Bertaraf Antarabangsa

- Enam bahagian/unit terlibat dalam persijilan MS ISO 9001:2008 dan semua proses utama di PSUKPP dijangka akan dipersijilkkan.

Pembayaran Saguhati Persekutuan

- Pembayaran RM800.00 sebagai bayaran saguhati persekolahan kepada semua anggota perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang yang akan dibayar pada akhir tahun ini. Bayaran ini termasuk kepada semua pegawai tetap/kontrak/sementara yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri. Kos yang akan ditanggung Kerajaan Negeri bagi bayaran ini

adalah RM3 juta.

Agihan Peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk tahun 2011 melibatkan antara lain:

- Pembentukan Pengambilan Balik Tanah (RM118.16 juta);
- Rancangan Perumahan Murah (RM13.51 juta);
- Pinjaman kepada MPSP (RM40 juta);
- Projek Pemajuan Bukit Bendera (RM8.60 juta);
- Mahkamah Syariah (RM11.9 juta);
- Projek Khas Ekonomi (RM9.45 juta);
- Pembangunan Warisan (RM1.15 juta);
- Mendalam dan Membalik Sungai-Sungai (RM2.67 juta);
- Pencegahan Banjir (RM3.84 juta);
- Pencegahan Hakis Pantai dan Muara Sungai (RM2.12 juta);
- Rancangan Parit Utama (RM1.32 juta);
- Pembangunan Sumber Bio-Pelancongan Hutan (RM2.35 juta)
- Membalik Jambatan dan Jalan Kerajaan Negeri (RM13.66 juta)
- Membina Jalan Kerajaan Negeri (RM15.05 juta);
- Membalik Bangunan Kerajaan Negeri (RM3.65 juta);
- Membina Bangunan Kerajaan (RM1 juta);
- Membina, Membalik dan mengubahsuai Masjid dan Surau (RM4.83 juta);
- Membina dan Membalik Sekolah Agama Rakyat (RM1.70 juta);
- Projek-projek Pembangunan Masyarakat dan Bekalan (RM12.6 juta);
- Pengawalan Pencemaran Veterinar (RM1.10 juta);
- Program Pembangunan Taman Pertanian

Ragam Ketua Menteri 2010



IMBASAN 2010**Pendidikan - BANTUAN KEPADA SEMUA**

KERAJAAN Pakatan Rakyat (PR) amat prihatin terhadap aspek pendidikan di Negeri Pulau Pinang. Hal ini terbukti apabila Kerajaan PR telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta pada 2009 untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan pendidikan di sekolah-sekolah agama rakyat dan tafhib di negeri ini. Jumlah ini bertambah menjadi RM1.75 juta pada tahun 2010 - sejajar dengan Dasar Kerajaan PR untuk Perkasakan Rakyat.

Secara puratanya, sebanyak RM97,000 bantuan kewangan telah disalurkan kepada pembangunan sekolah agama rakyat (SAR) di Pulau Pinang.

Hasil peruntukan tersebut, SAR Madrasah Al-Aminiah (SARMAA) kini telah dinobatkan sebagai SAR yang pertama yang mempunyai makmal sains. Selain menghulurkan bantuan kewangan, Kerajaan Negeri turut menyediakan tanah untuk tapak pembinaan SAR dengan kos pembinaan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi tahun yang 2010, jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk SAR, sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) Cina, sekolah menengah persendirian, sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina, sekolah mualih dan sekolah jenis kebangsaan (SJK) Tamil adalah sebanyak 11.3 juta. Jumlah peruntukan tersebut adalah membabitkan 175 buah sekolah secara keseluruhan.

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2010 MENGIKUT JENIS SEKOLAH

BIL.	JENIS SEKOLAH	JUMLAH (BUAH)	PERUNTUKAN (RM)
1.	Sekolah Agama Rakyat	18	1.75 juta
2.	SMJK (C), Sekolah Menengah Persendirian, SJK (C) & Sekolah Mualih	129	7.8 juta
3.	SJK (T)	28	1.75 juta
JUMLAH		175	11.3 juta



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (lima dari kanan) bersama ahli-ahli lembaga pengarah SRJK (C) Pai Cai, Batu Ferringhi merasmikan bangunan baru sekolah hasil sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Malah, bagi tahun 2011, dalam usaha untuk mewujudkan sebuah Hab Pendidikan Cemerlang, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan seluas 201.4 ekar di Pondok Upeh dan Genting, Balik Pulau. Pada masa sama, jumlah peruntukan pemberian bantuan pembangunan turut ditingkatkan kepada RM12 juta.



Buat julung kalinya, hasil keperihatinan Kerajaan PR Berjaya Rakyat, sebuah makmal sains pertama telah berjaya diwujudkan di Sekolah Agama Rakyat Madrasah Al Aminiah (SARMAA). Pengiktirafan tersebut membolehkan para guru dan juga pelajar SAR mempraktikkan kebolehan serta bakat terpendam di dalam bidang sains dan teknologi.



SEBELUM dan selepas. Sumbangan RM150,000 oleh Kerajaan Negeri digunakan sebaik mungkin untuk membina sebuah bangunan baru dengan kelengkapan 15 bilik darjah tambahan sekolah mualih, Methodist Boys School (MBS) di sini.



HASIL sumbangan daripada Kerajaan Negeri, bangunan SJK (C) Chong Teik, Balik Pulau yang telah usang dan berusia 100 tahun dapat diganti bagi keselesaan para pelajar dan juga pendidik. SJK (C) Chong Teik merupakan salah sebuah SJK (C) yang menerima sumbangan berjumlah RM380,000 daripada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan terutamanya pada aspek pembinaan bangunan baru.



Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (dua dari kanan) bersama Pengetua dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MBS bergambar kenang-kenangan pada majlis pelancaran bangunan baru sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.



IMBASAN 2010

PULAU PINANG BERSIH DAN HIJAU - NEGERI PILIHAN UNTUK KEHIDUPAN YANG MAPAN

DALAM usaha memburu pelaburan, per-cambahan industri dan pembangunan, Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) tidak pernah leka di dalam memperjuangkan inisiatif pemuliharaan alam sekitar sehingga berjaya menobatkan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau pertama di Malaysia.

Atas inisiatif dan usaha kerajaan merancakkan kempen 'Negeri Hijau' terutamanya dengan pelancaran kempen Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Isnin bermula Julai 2009 yang kemudian dilanjutkan ke hari Selasa dan Rabu bermula Januari 2010 berkuatkuasa kepada semua pasaraya besar dan pasaraya tempatan, sebanyak 32,508,419 penggunaan beg plastik telah berjaya dikurangkan (perangkaan sehingga 26 Oktober 2010) di seluruh negeri ini. Pada tahun 2011, inisiatif tersebut bakal



LOGO Penang Hijau Bersih

semua program dan aktiviti anjuran Kerajaan Negeri. Dalam pada itu, inisiatif tersebut juga bakal dilanjutkan kepada peniaga-peniaga di seluruh negeri Pulau Pinang. Sebagai

permuilaan, Kerajaan melalui Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar telah mengedarkan baucer khas kepada para peniaga berhubung pembelian bekas makanan diperbuat daripada kertas atau bahan kitar semula.

Pada aspek lebih luas, atas hasil usaha Kerajaan Negeri, tahap kualiti air di Sungai Pinang juga telah diturunkan ke kelas ketiga berbanding tiga tahun lalu yang mana ia diklasifikasikan sebagai antara tujuh batang sungai paling tercemar di Malaysia. Malah,



lagi di dalam usaha pemuliharaan alam sekitar apabila projek 'Penang Hijau Bersih' atau 'Cleaner Greener Penang' bagi memuliharkan persekitaran hidup ke arah sebuah bandaraya bersih dan hijau bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk dilancarkan. Walaupun projek ini adalah inisiatif Kerajaan, namun, penekanan penglibatan adalah membabitkan kerjasama tiga pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan masyarakat. Sila layari laman web [www.cleanergreenerpenang.com](http://cleanergreenerpenang.com) bagi maklumat lanjut.

Demi menambahkan tempat riadah hijau dan rekreasi untuk orang awam, Kerajaan Negeri juga bercadang mewartakan tanah kerajaan seluas 10.1 ekar di Bukit Mertajam atau Bukit DO sebagai taman rekreasi yang baru. Pewartaan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah pada 24 Ogos 2010 dan akan dibawa kepada



PARA pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn memerhatikan para juri dari Jabatan Pendidikan dan Jabatan Perhutanan yang sedang membuat penilaian penyediaan tong hitam kompos bagi menentukan juara pertandingan Sekolah Hijau Negeri Pulau Pinang.




PEMBABITAN generasi muda terutamanya pelajar-pelajar sekolah adalah amat penting dalam usaha pemuliharaan alam sekitar demi kepentingan semua manusia di dunia ini. Inisiatif kumpulan pelajar ini menanam pokok di Padang Kota Lama merupakan antara langkah yang perlu dipraktikkan oleh semua sekolah di negeri ini.

Sungai Juru (yang sebelum ini turut tergolong di dalam kategori sama) juga telah terkeluar daripada senarai berkenaan. Lazimnya, kejayaan mempertingkatkan kualiti air di Sungai Pinang adalah hasil usaha dan inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Indah Water Konsortium (IWK) yang membuat penyambungan terus hasil kumbahan dari pusat penyembelihan di Jalan Sungai ke pusat rawatan IWK di Jelutong.

Sepanjang tahun ini, dua program pembersihan pantai juga telah diadakan. Penganjuran pertama pada 18 April 2010 diadakan di pesisir pantai Gurney bersempena dengan Hari Bumi Sedunia manakala penganjuran kedua yang diadakan secara serentak dengan 100 lebih buah negara di seluruh dunia telah berlangsung di Pantai Bersih dan Pantai Robina, Seberang Perai Utara (SPU). Selain kakitangan kerajaan, program terbabit juga telah berjaya menarik penyertaan daripada pihak swasta, Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga badan-badan sukarela. Di samping itu, program melempar 'bola lumpur' atau 'mudballs' turut diadakan sebagai salah satu usaha pemuliharaan sungai di sekitar Pulau Pinang. Malah, buat julung kalinya, Koncert Hijau dengan penyertaan artis-artis popular turut diadakan buat julung kalinya pada tahun ini.

Pada Mei 2010, Kerajaan Negeri PR mara selangkah ke hadapan dikuatkuasakan pada setiap hari menerusi pelaksanaan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari. Bagi mempergiatkan amalan 3Rs iaitu Kurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse) dan Kitar Semula (Recycle), penggunaan bekas makanan polisterin turut dilarang di



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Eng (tiga dari kiri) menyertai program mengayuh basikal sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kesan tapak karbon.

dikuatkuasakan pada setiap hari menerusi pelaksanaan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari.

Bagi mempergiatkan amalan 3Rs iaitu Kurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse) dan Kitar Semula (Recycle), penggunaan bekas makanan polisterin turut dilarang di



PARA sukarelawan bertungkus-lumus membersihkan kawasan Pantai Robina bersempena dengan penganjuran Program Pembersihan Pantai Antarabangsa di sini baru-baru ini. Selain Pantai Robina, program yang sama turut diadakan di Pantai Bersih yang memperlihatkan penglibatan kira-kira 2,000 peserta dari sektor kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi (IPT).

kelulusan terakhir di Mesyuarat EXCO di dalam tempoh terdekat. Pewartaan ini adalah di atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh MPSP.

Terbaru, beberapa program lanjutan turut diadakan termasuk pendaftaran Warga Hijau, Anugerah Sekolah Hijau dan menjelang akhir tahun ini, program Sembang Hijau turut akan dilancarkan. Layari <http://greenstate.penang.gov.my> bagi maklumat lanjut.

Tahukah Anda??

- Pulau Pinang yang dikelilingi oleh laut di bahagian pulau dan sebahagian di daratan semenanjung mempunyai pantai-pantai menarik dengan 201.4 kilometer (km) panjang di bahagian pulau, 8.3km di pulau-pulau kecil seperti Pulau Jerejak, Pulau Aman serta Pulau Rimau dan 66.4km di bahagian daratan Seberang Perai.
- Pesisiran pantai Seberang Perai sepanjang 30km merupakan kawasan pantai berpasir yang sesuai untuk aktiviti berkelah dan riadah ; 70km kawasan bakau merupakan kawasan sumber pembiakan ikan ; 30km kawasan pembangunan pelabuhan ; 40km kawasan berlumpur dan 20km kawasan berbatu. Pulau Pinang juga mempunyai 150 sistem sungai yang mengalir ke laut.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Eng menyerahkan sebatang pokok kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Rahim Seman sebagai simbolik program Menanam 26 Juta Pokok Peringkat Kebangsaan di Padang Kota Lama baru-baru ini.



EXCO Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menjelaskan kepentingan menggunakan beg dan bekas makanan diperbuat daripada kertas sebagai salah satu usaha pemuliharaan alam sekitar. Pada masa sama, beliau turut menunjukkan beg plastik dari luar negara yang boleh digunakan semula terutamanya untuk tujuan membeli-belah di pasaraya-pasaraya tempatan.



SEKOLAH Hijau.. Para pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina True Light menggunakan minyak masak terpakai untuk menghasilkan sabun bagi kegunaan sehari-hari.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Eng (kiri sekalai) mengadakan perbincangan dengan pengeluar beg plastik di Komtar baru-baru ini.



ANTARA barisan artis popular dari dalam dan luar negara yang menjayakan Koncert Hijau yang julung kali diadakan oleh Kerajaan Negeri PR.


IMBASAN 2010

INDUSTRI & PELABURAN - JUMLAH PELABURAN MEMBERANGSANGKAN, PULAU PINANG MELAKAR MASA DEPAN YANG KOMPETATIF

Jumlah pelaburan yang amat memberangsangkan telah meletakkan Pulau Pinang di tangga ketiga dengan jumlah sebanyak RM2.25 billion iaitu peningkatan sebanyak RM717 million atau peningkatan melebihi 50% sebulan berbanding suku pertama tahun 2010 iaitu sebanyak RM1.5 billion sahaja. Prestasi Pulau Pinang bagitujuh bulan pertama tahun 2010 adalah lebih baik berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak RM2.17 billion. Dengan angka pelaburan terkini, Pulau Pinang kini berada di belakang Johor dan Selangor sebagai negeri yang Berjaya menarik pelaburan terbesar di Malaysia.

Berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) dalam sesawang www.mida.gov.my, Pulau Pinang telah berjaya memperoleh RM2.25 billion bagi Januari hingga Julai 2010, daripada jumlah ini sebanyak RM738 million diperoleh melalui pelaburan domestik manakala sebanyak RM1.51 billion adalah melalui pelaburan asing.

Bagi memastikan sasaran nilai pelaburan RM4.2 bilion tercapai, Kerajaan Negeri juga melalui InvestPenang dan Penang



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersalaman dengan Datuk Bandar Adelaide, Australia, Michael Harbinson sempena lawatan kerja beliau ke negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Development Corporation (PDC) telah mempelbagaikan aktiviti-aktiviti galakan pelaburan bagi sektor-sektor baru yang berpotensi menjana pulangan yang besar khususnya yang berteknologi tinggi melalui inisiatif awam-swasta.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PDC telah dan sedang meneruskan perancangan mengambil langkah memperluaskan kawasan perindustrian di Seberang Perai Tengah seluas 121.86 ekar di Juru untuk dibangunkan sebagai Projek



PENANG CAT Centre yang ditubuhkan pada 4 Mac 2010 telah berjaya membantu 2,795 pemohon menjawat jawatan yang setara dengan kelayakan masing-masing.

Fasa 1 Taman Sains Pulau Pinang.

Penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang (MSPP) atau Penang Science Council (PSC) pada 25 Januari 2010 dan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang atau Penang Career Assistant and Training (CAT) Centre pada 4 Mac 2010 adalah bertepatan dengan dasar Kerajaan Pakatan Rakyat (PR), menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

Ketua Menteri, YAB Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa MSPP adalah sebahagian inisiatif pendekatan holistik untuk melahirkan lebih ramai saintis dan jurutera muda yang berteknologi tinggi serta berpengetahuan luas sejarah dengan misi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat ekonomi bertaraf antarabangsa yang berpotensi tinggi.

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri hanya memainkan peranan yang amat minimal dalam implementasi program-program yang bakal dijalankan dari masa ke masa. MSPP digerakkan sepenuhnya oleh sektor swasta khususnya syarikat-syarikat multinasional (Multinational Corporation - MNC) untuk memasyarakatkan bidang sains dan teknologi. Bertemakan 'Ilhamkan Inovasi', lima teras telah dikenalpasti dan diketuai oleh nama-nama unggul dalam industri seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan BBraun. Lima teras tersebut adalah:

- i. Pusat Sains dan Teknologi Pulau Pinang
- ii. Sistem Mentor Pengusaha berdasarkan saintifik
- iii. Galakan dan dorongan melalui pengasuhan industri
- iv. Menjana inovasi dan penyelidikan
- v. Sains Kemanusiaan dan Bio-Perubatan

Sepanjang operasi Penang CAT Centre sehingga Julai 2010, seramai 3,123 orang telah mendaftar dan sebanyak 4,872 kekosongan jawatan daripada pelbagai sektor telah dikenalpasti. Malah, seramai 2,795 orang yang mendaftar telah dipadam rujuk kepada majikan-majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong tersebut.

Penubuhan Penang International Halal Hub (PIHH) juga telah berjaya mengembangkan Industri Halal Pulau Pinang dengan penyertaan syarikat di Taman Industri Halal, Bukit Minyak. Perjanjian telah dimeterai dengan Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang mengeluarkan produk makanan laut sejukbeku yang bekerjasama dengan Fujian



WAKIL UEM, Penang Second Bridge Sdn.Bhd. dan CHEC Construction (M) Sdn.Bhd. memberi penerangan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng tentang perkembangan pembinaan jambatan Pulau Pinang kedua yang dijangkakan siap pada September 2013.Turut diadakan adalah majlis sidang akbar yang turut dihadiri oleh Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng (dua dari kanan) dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Farizan Darus (tiga dari kanan).



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengadakan lawatan ke kilang Ixmation di Bukit Minyak, di sini. Pada sesi lawatan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ixmation, Martin Pfister (kanan) menjelaskan penggunaan panel solar 3D bagi penjanaan kuasa kilang berkenaan. Sistem tersebut digunakan secara meluas di Switzerland.

Dongshan Haiku Aquatic Products Group Co. Ltd (pengeluar makanan laut sejukbeku yang terbesar di Wilayah Fujian, China) bagi mewujudkan syarikat bioteknologi marin China yang pertama di Taman Industri Halal, dengan kepakaran dalam pengeluaran makanan sejukbeku, eksport dan import makanan laut



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (kiri) menyerahkan cenderamata kepada Gabenor Wilayah Aceh, Irwandi Yusof selepas majlis Menandatangani MoU 'PENANG-Aceh Business Investment Dialogue' di antara InvestPenang dan Aceh baru-baru ini.



BANGUNAN kilang dari Jepun, Nihon Garter yang baru beroperasi di Bukit Minyak, di sini.



KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (tengah) dan Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mansor Othman bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) memotong kek sempena sambutan Ulang Tahun ke-36 baru-baru ini.

sejukbeku dan R&D akuakultur bioteknologi dengan nilai pelaburan berjumlah RM150 juta. Sebanyak 300 peluang pekerjaan akan diwujudkan dalam usaha gabungan ini.

Projek Yang Diluluskan Oleh Kerajaan Negeri Dari Januari - Julai 2010

NEGERI	BIL.	JANUARI - JULAI 2010		JUMLAH PELABURAN (RM)
		PELABURAN DOMESTIK (RM)	PELABURAN ASING (RM)	
Selangor	197	2,276,365,159	1,605,964,954	3,882,330,113
Johor	108	1,579,291,594	1,150,605,064	2,729,896,658
Pulau Pinang	73	738,059,784	1,508,460,830	2,246,520,614
Kedah	30	275,736,923	1,585,065,421	1,860,772,344
Sarawak	27	244,440,933	1,377,843,146	1,622,284,079
Perak	27	737,034,069	873,334,784	1,610,368,853
Sabah	20	402,959,968	408,189,715	811,149,683
Melaka	21	144,461,413	601,542,319	746,003,732
Negeri Sembilan	23	207,347,168	309,360,236	516,707,404
Terengganu	4	268,298,680	-	268,298,680
